

# Aspek kemudahan, keselamatan diberi keutamaan

**Kuala Lumpur:** Dalam usaha memberikan penginapan yang selesa dan kondusif kepada pelajar, pihak pengurusan universiti sentiasa melakukan penambahbaikan di kolej kediaman termasuklah membabitkan aspek kemudahan dan keselamatan.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Aldrin Abdullah, berkata universiti sedang menerajui kerja naik taraf bilik di desasiswa USM mengikut fasa yang ditetapkan.

Katanya, USM akan memperkenalkan konsep baharu untuk bilik di desasiswa mengikut beberapa kategori iaitu bilik premium, bilik standard dan bilik ekonomi.

"Usaha ini dibuat bagi meningkatkan taraf penginapan di kampus secara menyeluruh supaya ia selaras dengan martabat USM sebagai universiti yang berkualiti dalam hal akademik dan juga dapat menjamin keperluan sosial pelajarannya.

"Beberapa projek naik taraf desasiswa yang dikenal pasti



Prof Aldrin Abdullah



Prof Abdul Aziz Abdul Raman



Prof Datuk Yusserie Zainuddin

pada tahun ini adalah 80 bilik pelajar di Desasiswa Harapan berkonseptan bilik premium, 68 bilik pelajar di Desasiswa Saujana, 80 bilik pelajar di Desasiswa Tekun dan Desasiswa Carelific serta 98 bilik Pelajar Kuarang Upaya (PKU) di Desasiswa Aman Damai," katanya.

Ketika ini, USM mempunyai keseluruhan kapasiti kolej kediaman yang boleh memuatkan seramai 15,998 pelajar membabitkan tiga kampus iaitu kampus induk, kejuruteraan dan kesihatan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pe-

lajar), Universiti Malaya (UM), Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Raman, berkata setiap tahun, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) akan menaik taraf setiap kemudahan di semua kolej kediaman UM termasuklah bilik pelajar, tandas, ruang belajar, fasiliti rekreasi dan kafeteria melalui peruntukan One-Off Bangunan dan Penyelenggaraan yang berjumlah sekitar RM4 juta hingga RM7 juta setahun.

"UM juga menitikberatkan penambahbaikan dari aspek keselamatan pelajar di kolej kediaman dengan memberi fo-

kus kepada kerja pendawaian elektrik dan juga keselamatan bangunan berdasarkan kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

"Pada tahun ini, pihak universiti juga menerima sumbangan dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang membolehkan UM menyediakan Biasiswa Penginapan membabitkan bantuan RM100 sebulan selama 12 bulan untuk 1,000 pelajar kategori B40," katanya.

UM mempunyai 12 kolej kediaman di dalam kampus yang

boleh menampung 12,418 pelajar dan mulai Sesi Akademik 2020/2021, UM akan menyewa fasiliti di luar kampus iaitu di Lembaga Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya (LAKIM), Petaling Jaya bagi menambah 2,800 pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Pa-hang (UMP), Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata universiti sentiasa meningkatkan kemudahan asas di kolej kediaman, malah turut menyediakan kemudahan tambahan seperti bilik rehat, bilik kuarantin, bilik sakit, gymnasium, dobi layan diri dan wi-fi serta aspek penjagaan keselamatan yang terjamin.

"Saya berpendapat, universiti awam (UA) yang terletak di bandar tidak menghadapi masalah sekiranya kolej kemudahan tidak mencukupi memandangkan terdapat banyak rumah untuk disewa dalam jarak yang mudah diakses, tetapi UA yang berada di luar bandar berdepan kesukaran untuk mendapatkan rumah sewa kerana ia agak terbatas.

"Meskipun begitu, saya sarankan supaya pelajar yang menetap di luar kampus supaya sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan terutama membabitkan perjalanan pergi dan balik ke kuliahan serta tidak mengabaikan kesihatan diri," katanya.